



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU DALAM MENJALANKAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK (PBP) UNTUK *LANGUAGE ARTS DALAM* BAHASA INGGERIS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SARASWATHI A/P BALAKRISHNAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU DALAM MENJALANKAN  
PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK (PBP) UNTUK  
*LANGUAGE ARTS* DALAM BAHASA INGGERIS**

**SARASWATHI A/P BALAKRISHNAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2022**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda ✓ )  
Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah


## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13/12/2022

#### Student's Declaration:

Saya, SARASWATHI A/P BALAKRISHNAN, M20161000415 FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU DALAM MENJALANKAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK(PBP) UNTUK LANGUAGE ARTS DALAM BAHASA INGGERIS DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

#### Supervisor's Declaration:

Saya MOHD NAZIR BIN MD ZABIT dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU DALAM MENJALANKAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK(PBP) UNTUK LANGUAGE ARTS DALAM BAHASA INGGERIS DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH.

15/12/22

—  
Tarikh

—  
Tandatangan Penyelia





**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU DALAM MENJALANKAN  
PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK(PBP) UNTUK  
LANGUAGE ARTS DALAM BAHASA INGGERIS DALAM KALANGAN  
GURU SEKOLAH RENDAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA  
LUMPUR

No. Matrik / Matric's No.:

M20161000415

Saya / I:

SARASWATHI A/P BALAKRISHNAN

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*



1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*i. The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*  
Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.  
*The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /  
*Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. /  
*Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

**Prof Madya Dr. Mohd Nazir bin Md. Zablit**  
pensyarah kanan  
Jabatan Pengajaran Pendidikan  
Fakulti Pembangunan Manusia  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 15/12/2022

Catatan: Jika Tesis/Disertesi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*





## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuh pelbagai dugaan dan rintangan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Mohd Nazir Bin Md Zabit, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik. Terima kasih juga kepada pihak institusi kajian, Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana telah memberi sokongan penuh dalam kerja lapangan dan memudahkan proses untuk mendapat data. Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati, yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih kepada rakan guru atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi, cinta dan doa kalian, sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.





## ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan kemahiran guru-guru Bahasa Inggeris sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam menjalankan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) untuk mengajar *language arts*. Selain itu, kajian ini juga turut menganalisis hubungan antara tahap pengetahuan dan kemahiran para guru serta impaknya ke atas guru-guru yang menggunakan PBP untuk menyampaikan *language arts* dalam bahasa Inggeris. Berpandukan metodologi kuantitatif, objektif kajian ini ditentukan berdasarkan kaedah kajian tinjauan. Satu set instrumen soal selidik yang terdiri 4 bahagian telah digunakan untuk menjawab persoalan kajian ini. Instrumen kajian yang dibina mempunyai struktur yang merangkumi semua persoalan dan objektif kajian. Bahagian A dalam soal selidik merupakan bahagian demografi yang mengandungi 6 soalan utama untuk mengetahui latar belakang responden. Setiap item dalam bahagian B, C dan D mempunyai skala likert 1 hingga 5. Bahagian B mempunyai 10 item dan bertujuan untuk meninjau tahap pengetahuan PBP untuk *language arts* dalam kalangan guru. Bahagian C pula ialah untuk meninjau tahap kemahiran guru mengenai PBP dan bahagian ini mempunyai lapan item. Kajian ini menggunakan pensampelan rawak di mana semua responden dipilih daripada populasi besar guru-guru di bawah kelolaan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL). Seramai 275 responden dipilih untuk mendapatkan data yang diperlukan. Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap pengetahuan  $n=275$  ( $M=3.10$ ,  $SP=.26$ ) berada pada tahap sederhana. Tahap kemahiran  $n=275$  ( $M=3.48$ ,  $SP=.45$ ) juga berada pada tahap sederhana. Tahap pengetahuan dan kemahiran guru adalah pada tahap sederhana. Terdapat satu korelasi positif yang rendah dan signifikan ( $r=.204$ ,  $n=275$ ,  $p=.001$ ). Hasil analisis korelasi menunjukkan bahawa kemahiran PBP guru akan meningkat sekiranya pengetahuan PBP guru dapat ditingkatkan. Kesimpulannya, hasil kajian mendapati bahawa hubungan antara tahap pengetahuan dan kemahiran penggunaan PBP untuk *language arts* adalah pada paras sederhana. Sebagai cadangan masa depan, kajian berbentuk korelasi bagi meneroka hubungan antara aspek demografi seperti umur guru dan kemahiran PBP dalam *language arts* di Malaysia adalah sangat perlu.





## TEACHERS' KNOWLEDGE AND SKILLS IN USING PROJECT-BASED LEARNING FOR TEACHING OF LANGUAGE ARTS IN PRIMARY SCHOOLS IN KUALA LUMPUR

### ABSTRACT

In recent years, knowledge and skills delivery of the language arts has been underwhelming due to the mixed teachings of traditional methods along with the integration of contemporary approaches such as PBP. The purpose of this paper is to identify the level of knowledge and skills of English teachers in primary schools in the Federal Territory of Kuala Lumpur using PBP - Project Based Learning to teach language arts. This study also aims to analyse the relationship between the level of knowledge and skills of the teachers, and its impact on the teachers who are using PBP to educate language and the arts in the English language. This study also aims to analyse the relationship between the level of knowledge and skills of the teachers, and its impact towards the teachers of who are using PBP to educate language and arts in English language. Quantitative methodology is used to determine the research's objective regarding knowledge and skills level of PBL in language arts among teachers in schools where review methods and research questions were utilised. This research study uses random sampling in which all respondents are selected from a population of teachers under the management of the Department of Education of the Federal Territory of Kuala Lumpur (JPWPKL). 275 respondents were selected as the appropriate number of samples to obtain the required data. The analysis showed that the level of knowledge  $n = 275$  ( $M = 3.48$ ,  $SP = .45$ ) was at a moderate level. The skill level  $n = 275$  ( $M = 3.20$ ,  $SP = .26$ ) was also at a moderate level. The knowledge level of teachers and their skills is at a moderate level. There is a significant but low positive relationship between the level of knowledge and skills of the teachers ( $r = .204$ ,  $n = 275$ ,  $p = .001$ ). Therefore, one of the implications of this study is the need to improve pedagogical skills training for English teachers in Malaysia. In conclusion, the outcome of the study proves that the relationship between levels of knowledges and skills towards the usage of PBP for language and arts are in the moderate level. A correlational study to explore the relationship between demographic aspects such as the age of teachers and their PBP proficiency in the language arts in Malaysia is very highly recommended to enhance the efficiency of the system.





## KANDUNGAN

### **Muka Surat**

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi



<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii

<b>BAB 1</b>	<b>PENGENALAN</b>
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Soalan Kajian	8
1.6 Kerangka Teori dan Kerangka Konsep Kajian	9





1.6.1	Kerangka Konseptual Kajian	12
-------	----------------------------	----

1.7	Kepentingan Kajian	13
-----	--------------------	----

1.8	Batasan Kajian	14
-----	----------------	----

1.9	Definisi Operasi	15
-----	------------------	----

1.9.1	Pengetahuan	15
-------	-------------	----

1.9.2	Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP)	16
-------	--------------------------------------	----

1.9.3	Kemahiran menggunakan PBP	17
-------	---------------------------	----

1.10	Kesimpulan	19
------	------------	----

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	20
-----	------------	----

2.2	Definisi Konsep	22
-----	-----------------	----

2.2.1	PBP	22
-------	-----	----

2.2.1.1	Konsep	22
---------	--------	----

2.2.1.2	Kelebihan dan Kelemahan	23
---------	-------------------------	----

2.2.2	Language Art	25
-------	--------------	----

2.3	Teori	26
-----	-------	----

2.3.1	Teori Konstruktivisme	26
-------	-----------------------	----

2.4	Kajian Lepas	30
-----	--------------	----

2.4.1	Pengetahuan	34
-------	-------------	----

2.4.2	Kemahiran	35
-------	-----------	----

2.5	Rumusan	37
-----	---------	----



**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	38
3.2 Rekabentuk Kajian	39
3.3 Populasi Dan Sampel Kajian	40
3.4 Instrumen Kajian	41
3.4.1 Soal Selidik	42
3.5 Tatacara Pemerolehan Data	43
3.6 Kaedah Analisis Data	45
3.7 Kebolehpercayaan dan Kesahihan	47
3.8 Rumusan	49

**BAB 4 DATA ANALISIS**

4.1 Pengenalan	50
4.2 Analisis Demografi	50
4.3 Tahap Pengetahuan Guru bahasa Inggeris menggunakan PBP untuk “ <i>language arts</i> ”	53
4.4 Tahap Kemahiran guru bahasa Inggeris dalam menggunakan PBP untuk mengajar <i>language arts</i>	55
4.5 Analisis Korelasi	57
4.6 Kesimpulan	58

**BAB 5 PERBINCANGAN**

5.1 Pengenalan	59
5.2 Tahap Pengetahuan Guru bahasa Inggeris menggunakan PBP untuk “ <i>language arts</i> ”	60





5.3	Tahap Kemahiran guru bahasa Inggeris dalam menggunakan PBP untuk mengajar “ <i>language arts</i> ”	64
5.4	Cadangan Kajian akan Datang	70
5.5	Kesimpulan	71
<b>RUJUKAN</b>		72
<b>LAMPIRAN</b>		80





## **SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
3.1	Kaedah analisis	46
3.2	Julat Min	47
3.3	Interpretasi Korelasi Pearson	47
3.4	Analisis Cronbach	48
4.1	Analisis Frekuensi Aspek Demografi	52
4.2	Taburan Tahap Pengetahuan	53
4.3	Analisis Item Tahap Pengetahuan	55
4.4	Taburan Tahap Kemahiran	56
4.5	Analisis Item Tahap Kemahiran	57
4.6	Analisis Korelasi	58





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	12
3.1 Nisbah Persampelan oleh Krejcie and Morgan (dalam Azhar & Mahamod,2018)	41
3.2 Tatacara Pengumpulan Data	45





## SENARAI SINGKATAN

ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
ISTE	<i>International Society for Technology In Education</i>
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
NETS-A	<i>National Educational Technology Standard for Administrators</i>
PADU	<i>Education Performance and Delivery Unit</i>
PDPC	Pengajaran dan Pemudacara
TLSSA	<i>Technology Leadership Standards for School Administrators</i>
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiV

## **SENARAI LAMPIRAN**

A      Borang Kaji Selidik



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Salah satu kehendak utama dalam mengharungi cabaran dunia moden ialah gelombang perindustrian ke-4 yang bukan sahaja mengubah dunia perniagaan serta teknologi malah mengubah lanskap pendidikan dunia. Mengikut Lin dan Tsai (2016), hal ini memberikan implikasi positif kepada pendidikan vokasional kerana umumnya, pendidikan hari ini sudah berorientasikan kemahiran. Kemahiran-kemahiran yang dikenali sebagai kemahiran-kemahiran abad-21 melibatkan penguasaan aras pemikiran yang pelbagai. Dalam konteks ini, Felipe, Amouroux, Pham dan Stojcevski (2016) menegaskan bahawa perubahan ini merupakan asas kepada pembelajaran kemahiran abad-21 yang telah menjadi fokus pendidikan dunia. Sebagai contoh, pendidikan hari ini bukanlah semata-mata mendidik murid untuk mengetahui sesuatu, malah mendidik murid ke arah menjadi pembina ilmu yang bebas. Maknanya, kita lebih menjurus kepada memberikan autoriti pendidikan kepada murid-murid dengan merujuk kembali





kepada asas konstruktivisme kerana pendidikan tidak tertumpu kepada hasil akhir, tetapi lebih tertumpu kepada proses pemerolehan ilmu(Chiang & Lee,2016).

Pembelajaran berdasarkan projek (PBP) dalam konteks ini merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berlandaskan prinsip konstruktivisme. Antara ciri utamanya ialah penekanan pada elemen kolaborasi antara guru dan murid dalam membantu penguasaan dan pengukuhan pengetahuan dan kemahiran(Kokotsaki,Menzies,& Wiggins,2016). Razali, Shahbodin, Ahmad dan Mohd Noor (2017) berpendapat bahawa PBP telah lama wujud di pendidikan di Malaysia dan telah membawa kepada pencetusan pelbagai kaedah pembelajaran yang berlandaskan ciri-ciri PBP seperti pembelajaran mobil atau *mobile learning*. PBP adalah satu model aktiviti yang keluar daripada amalan bilik darjah yang biasa dan banyak melibatkan gabungan antara disiplin ilmu(Razali et al. 2017). Kaedah pembelajaran PBP dapat merangsang murid untuk belajar melalui pengalaman, pemerhatian dan percubaan. Murid berasa gembira dalam melakukan projek. Bukan itu sahaja, murid juga berpeluang untuk menggunakan kemahiran dan pengetahuan sedia ada mereka untuk meneroka ilmu baharu. Persepsi ini penting dalam kajian semasa kerana ia mencetuskan satu persoalan mengenai perspektif utama kajian semasa iaitu bagaimana guru mengadaptasi PBP dalam bilik darjah.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Guru sebagai komponen paling utama dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan(PdPc) harus sedar bahawa pengetahuan mereka mengenai pelbagai





strategi PdPc memainkan peranan yang paling signifikan dalam memastikan murid-murid dapat menguasai pelbagai kemahiran. Chiang dan Lee (2016) berpendapat bahawa perkembangan profesional guru perlu merangkumi pengetahuan pedagogi yang mendalam dan ia juga perlu melibatkan pengetahuan mereka dalam kandungan subjek-subjek tertentu. *Language Arts* dalam konteks PdPc bahasa Inggeris sekolah rendah di Malaysia merupakan sub-komponen utama dalam matapelajaran tersebut dan mempunyai peranan penting dalam menerapkan pelbagai kemahiran dalam diri murid-murid. Kajian ini akan melihat masalah ini dari perspektif guru dan akan melihat bagaimana pengetahuan dan kemahiran mengenai PBP dapat menjurus kepada penggunaannya dalam sesi pengajaran *Language Arts*. Terdapat pelbagai subjek seperti Kemahiran Hidup, Sains, Geografi dan banyak lagi telah mengaplikasikan pembelajaran berdasarkan projek ini dalam pembelajaran untuk menyampaikan isi kandungan dengan lebih baik namun dalam konteks PdPc bahasa di sekolah rendah, PBP masih sesuatu yang asing(Razalia, Shahbodin, Hussinb & Bakara,2015).

Felipe et al. (2016) menyatakan bahawa terdapat dua isu utama dalam penerapan kaedah PBP untuk PdPc *language arts* dalam bahasa Inggeris, iaitu pengetahuan dan kemahiran. Sikap guru memainkan peranan yang kritikal dalam pemilihan strategi pemudahcaraan dan pembelajaran di bilik darjah kerana pemilihan strategi yang tepat penting untuk memastikan murid-murid dapat menikmati serta memahami aktiviti yang berkaitan dengan *Language Arts* di dalam bilik darjah dan mengikut Sulaiman, Sulaiman dan Rahim (2017) sikap ini terbentuk daripada pengetahuan dan kemahiran guru dalam strategi tertentu. Guru-guru di Malaysia mempunyai sikap negatif terhadap sesuatu apabila mereka kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu pelaksanaan seperti strategi PBP atau pelaksanaan





program *Highly Immersive Program*(HIP). Dalam satu kajian oleh Yusof, Zainuddin dan Hamdan (2017) mendapati bahawa murid sering menjadi mangsa apabila strategi yang tidak sesuai dilaksanakan dalam PdPc bahasa Inggeris dan menyebabkan motivasi mereka rendah untuk belajar. Masalahnya adalah pada pengetahuan dan kemahiran guru dalam menerapkan strategi tertentu. Pemerhatian oleh pengkaji seperti Ng dan Ng (2012). mendapati bahawa guru bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah di Malaysia mempunyai persepsi yang berbeza mengenai penerapan *Language Arts* dan tidak menunjukkan minat mereka dalam mendalami strategi seperti PBP untuk menjadikan PdPc *Language Arts* menarik bagi murid-murid. Hakikatnya, mereka mengakui bahawa sukar bagi seorang guru untuk mengendalikan suatu pengajaran yang berkaitan dengan *Language Arts* apabila tidak dapat menawan minat murid terhadap subjek atau topik pada suatu masa tertentu.



### 1.3 Pernyataan Masalah

Pengkaji menggunakan dua pembolehubah bagi menstruktur kajian semasa iaitu pembolehubah bebas yang merangkumi pengetahuan dan kemahiran guru di sekolah rendah di Wilayah Kuala Lumpur dalam menerapkan PBP dalam PdPc *Language Arts* di sekolah dan pembolehubah bertindakbalas iaitu, penggunaan PBP dalam PdPc *Language Arts* di sekolah. Hal ini kerana pengkaji menyedari bahawa masalah tersebut wujud apabila guru lebih cenderung memilih kaedah tradisional berbanding kaedah kontemporari seperti PBP dalam melaksanakan PBP. Melalui kaedah PBP, murid dapat menimba ilmu dengan lebih praktikal dan tidak bergantung kepada guru semata-mata. Sulaiman et al.(2017) dalam kajian terbitan mereka menyokong kewujudan isu ini





dengan dapatan kajian mereka yang menunjukkan bahawa guru bahasa Inggeris tidak menerima perubahan peranan guru apabila berlaku pelaksanaan PBP. Mereka mengkaji persepsi guru terhadap pembelajaran bahasa autonomos dan mendapati bahawa guru tidak menyokong pembelajaran yang tidak berlandaskan peranan tradisional mereka sebagai pemberi ilmu utama di dalam bilik darjah. Pengkaji turut memerhati dan mendapati bahawa guru sering keliru apabila ingin memilih strategi yang sesuai dengan pelaksanaan PBP. PBP memberi penekanan kepada konsep pembelajaran kendiri dan amalan penerokaan yang lebih luas oleh murid. Hal ini telah memberi memberi peluang kepada murid untuk menunjukkan keupayaan diri kerana setiap mereka mempunyai tahap kecemerlangan akademik yang berbeza.



Yusof, Lazim dan Salehuddin,(2017) mengkaji perspektif guru bahasa Inggeris di Malaysia khususnya dari segi pengetahuan mereka dalam menggunakan strategi-strategi tertentu untuk melaksanakan penilaian formatif dan mendapati bahawa persepsi negatif dan positif guru terhadap strategi PdPc yang baru bergantung kepada pengetahuan mereka. Pengetahuan guru dalam PBP untuk *Language Arts* di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan isu utama dalam kajian semasa. Hal ini kerana, guru-guru di sekolah-sekolah di bandar-bandar besar mempunyai kekangan tertentu dalam melibatkan diri dalam aktiviti perkembangan profesional atau komuniti pembelajaran profesional dari masa ke masa untuk menambah pengalaman mereka dalam pelbagai bidang yang berkaitan. Fong, Sidhu dan Fook (2014) mendapati bahawa guru-guru di kawasan bandar besar tidak mempunyai komuniti pembelajaran mereka sendiri kerana kekangan masa dan tercabar dengan pelbagai tugas lain di sekolah di samping mengharungi kehidupan bandaraya yang terlalu sibuk. Maka, perlu kajian





yang memberikan bukti yang lebih kukuh dan perkaitan yang lebih jelas dalam konteks pengetahuan guru dalam penggunaan PBP untuk mengajar *Language Arts*.

Petersen dan Nassaji (2016) mengetengahkan bahawa masalah utama pengetahuan guru adalah hasil daripada kepercayaan guru yang terbahagi kepada pelbagai domain. Pengetahuan guru terhadap *Language Arts* dan pelaksanaannya tidak semestinya digambarkan melalui penerimaan guru terhadap pelaksanaannya di sekolah rendah di Malaysia. Seperti yang dikemukakan oleh Yusof et al. (2017) guru di Malaysia kebanyakannya mempunyai kadar penerimaan yang tinggi terhadap pelbagai dasar dan pelaksanaan di sekolah namun masalahnya wujud apabila mereka tidak mampu menambah pengetahuan mengenai sesuatu seperti *Language Arts*. Dalam konteks kajian semasa, wujud masalah yang besar apabila guru tidak dapat memilih strategi yang betul apabila ingin mengajar *Language Arts*.



Husin, Arsal, Othman, Halim, Rasul, Osman dan Iksan,(2016) mendapati bahawa komponen sastera ataupun *Language Arts* telah menjadi komponen yang terlepas pandang dalam kalangan guru-guru bahasa Inggeris di Malaysia dan ia berkait rapat dengan kekurangan kemahiran guru dalam menggunakan PBP untuk tujuan menerapkan *Language Arts*. Husin et al. (2016) yang mengkaji pelbagai strategi yang digunakan oleh guru bahasa Inggeris di Malaysia untuk mengajar komponen sastera berpendapat bahawa guru-guru di Malaysia sangat dipengaruhi oleh guru-guru senior ataupun pegawai pendidikan terdahulu terutamanya dalam konteks kemahiran menggunakan sesuatu strategi seperti PBP. Masalah ini wujud apabila kebanyakan guru di kawasan kajian iaitu Kuala Lumpur kurang memahami konsep PBP dalam *Language Arts* kerana wujudnya pengaruh yang kuat daripada guru-guru yang terdahulu.





Mustakim, Mustapha dan Lebar,(2014) memerhati guru-guru bahasa Inggeris yang mengajar sastera dan mendapati mereka masih menggunakan pendekatan tradisional seperti syarahan dan menulis nota mengenai cerpen dan novel atau sajak. Mereka tidak menggunakan PBP yang sepatutnya menjadi pendekatan yang lebih sesuai dan berkesan bagi mengajar pelbagai aspek dalam komponen sastera dalam bahasa Inggeris kerana tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan PBP. Oleh kerana kajian oleh Mustakim, Mustapha dan Lebar,(2014) tertumpu kepada daerah Kuala Selangor, Selangor maka wujud satu jurang yang perlu dipenuhi menerusi kajian semasa untuk menjawab persoalan samada guru bahasa Inggeris di Kuala Lumpur juga tidak menggunakan PBP untuk *Language Arts* atas sebab-sebab yang sama.

Tujuan utama kajian semasa ialah untuk melihat dengan lebih terperinci tiga perspektif utama yang menjadi masalah dalam kalangan guru-guru bahasa Inggeris di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pertama, pengetahuan mereka mengenai PBP yang mendorong mereka untuk menggunakan PBP bagi mengajar *language arts*. Pengkaji melihat masalah ini dari segi penglibatan guru-guru di kawasan ini dalam pelbagai aktiviti yang membantu mereka menambah pengetahuan mengenai strategi-strategi baru seperti PBP. Ini termasuk samada mereka telah mengikuti bengkel, sesi perbincangan, taklimat dan wacana. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, masalah ini relevan dalam kajian semasa memandangkan guru-guru di sekolah-sekolah bandar lebih cenderung untuk tidak menglibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran kendiri. Seterusnya, pengkaji melihatnya dari segi kemahiran guru-guru bahasa Inggeris dalam menerapkan PBP bagi mengajar *language arts*. Akhir sekali, pengkaji ingin melihat





bagaimana kemahiran dan pengetahuan membawa impak kepada penggunaan PBP dalam mengajar *language arts* dalam kalangan guru-guru tersebut.

#### 1.4 Objektif Kajian

Berikut adalah objektif kajian semasa:

- i. Mengenalpasti tahap pengetahuan guru bahasa Inggeris di sekolah rendah di Wilayah Persekutuan dalam menggunakan PBP untuk mengajar *language arts* dalam bahasa Inggeris.
- ii. Mengenalpasti tahap kemahiran guru bahasa Inggeris di sekolah rendah di Wilayah Persekutuan dalam menggunakan PBP untuk mengajar *language arts* dalam bahasa Inggeris.
- iii. Menganalisis hubungan antara tahap pengetahuan guru, kemahiran guru dan impak terhadap penggunaan PBP untuk mengajar *language arts* dalam bahasa Inggeris.



#### 1.5 Soalan Kajian

Berikut adalah persoalan yang disenaraikan dalam melakukan kajian ini:

- i. Apakah tahap pengetahuan guru bahasa Inggeris di sekolah rendah di Wilayah Persekutuan dalam menggunakan PBP untuk mengajar *language arts* dalam bahasa Inggeris ?
- ii. Apakah tahap kemahiran guru bahasa Inggeris di sekolah rendah di Wilayah Persekutuan dalam menggunakan PBP untuk mengajar *language arts* dalam bahasa Inggeris?



- iii. Apakah hubungan antara tahap pengetahuan guru, kemahiran guru dan impak terhadap penggunaan PBP untuk mengajar language arts dalam bahasa Inggeris?

## 1.6 Kerangka Teori dan Kerangka Konsep Kajian

Kerangka yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan model pembelajaran 3P Biggs (1990). Model ini menerangkan interaksi antara faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran. Model ini menerangkan tiga tahap dalam elemen pembelajaran. Tahap pertama dikenali sebagai *presage* iaitu elemen sebelum pembelajaran. Tahap kedua ialah proses iaitu elemen semasa pembelajaran dan tahap ketiga adalah *product* iaitu hasil pembelajaran. Model Pembelajaran 3P mengenal pasti aspek yang berkaitan utama pembelajaran dalam pendidikan (Barattucci, Pagliaro, Cafagna & Bosetto, 2017)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi dan menerangkan bagaimana pembelajaran berlaku di semua peringkat terutamanya di peringkat tinggi (Barattucci et al. 2017). Model pembelajaran ini merupakan sebahagian daripada teori berpusatkan murid, yang mengkaji bagaimana pembolehubah yang berbeza boleh digunakan dalam memahami bagaimana guru menerima dan menggunakan PBP dalam bilik darjah mereka. Dalam konteks kajian ini, guru dilihat sebagai murid dan pembelajaran guru bergantung kepada pengetahuan guru mengenai PBP. Seperti yang dinyatakan, masalah utama guru jarang menggunakan strategi PBP dalam bilik darjah ialah disebabkan oleh kurangnya pengetahuan mengenai strategi tersebut.

Tahap *presage* melambangkan ciri-ciri guru-guru seperti pengalaman terdahulu yang mampu membawa kepada pemahaman guru terhadap konsep PBP (Song, 2018). Pemahaman berkait rapat dengan pengalaman terdahulu di mana menurut Song (2018)

pemahaman terhadap suatu topik atau subjek sangat berkait dengan pengalaman lama dan pengetahuan baru. Guru-guru perlu mempunyai suatu pengetahuan yang asas mengenai PBP sebelum melaksanakan strategi tersebut. Lee (2015) dan Tsiligiris dan Hill (2019), juga menegaskan bahawa pengetahuan terlebih dahulu merujuk kepada ciri-ciri pelajar, pengalaman mereka sebelum ini, dan pengetahuan baru mereka. Mereka turut menegaskan bahawa menggunakan pengetahuan sedia ada melibatkan menghubungkan konsep yang diketahui dan latar belakang dan peribadi sikap guru untuk makna baru dan konsep. Maka dalam konteks kajian semasa, perkara paling utama yang akan dilihat oleh pengkaji ialah bagaimana guru membentuk pengetahuan mereka mengenai PBP untuk mengajar *language arts* menerusi pengalaman dan pengalaman ini boleh merujuk kepada pengalaman terdahulu oleh rakan-rakan sekerja dan pengalaman sendiri samada dalam menggunakan PBP untuk mengajar *language arts* mahupun PBP untuk tujuan pembelajaran kendiri.

Habók dan Nagy (2016) mendefinisikan persepsi sebagai pengalaman sesuatu yang abstrak, sebagai contoh, pelaksanaan sesi pengajaran menggunakan PBP. Persepsi merujuk kepada cara guru melihat konteks pembelajaran mereka dan hal ini menjurus kepada penerimaan guru terhadap suatu konsep. Dalam kajian ini, persepsi merupakan satu pembolehubah utama dalam melihat bagaimana guru membentuk pemahaman dan kemahiran mereka dalam menggunakan PBP dalam mengajar *language arts*. Tambahan pula, pendapat guru tentang pengajaran, beban kerja, dan matlamat membentuk persepsi mereka. Penyelidikan Kokotsaki, Menzies dan Wiggins (2016) menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara persepsi guru dan hasil pembelajaran murid di mana dalam konteks kajian ini hasil pembelajaran dalam *language arts* bagi matapelajaran bahasa Inggeris. Barattucci (2017) mengemukakan pendapat bahawa

persepsi guru terhadap sesuatu strategi pengajaran adalah berkait rapat dengan pemahaman dan kemahiran mereka dalam melaksanakan kaedah tersebut. Contohnya, jika seorang guru tidak tahu mereka bentuk satu pengajaran *language arts* yang berasaskan PBP, maka persepsinya terhadap PBP akan lebih buruk.

Tambahan pula, persepsi guru tentang pengajaran, beban kerja, dan matlamat membentuk persepsi mereka. Penyelidikan seperti De la Fuente, Zapata, Martínez-Vicente, Sander dan Cardelle-Elawar (2015) menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara persepsi guru dan hasil pembelajaran mereka apabila terlibat dalam latihan dalam perkhidmatan. Sebagai contoh, De la Fuente et al. (2015) dalam terbitan, menegaskan bahawa jika pelajar atau guru mampu mengintegrasikan apa yang mereka belajar dengan hasil pembelajaran, pemilihan strategi pengajaran yang berkesan boleh dicapai.


Maka persepsi guru yang datang daripada pemahaman dan kemahiran mereka dalam penggunaan teknik PBP dalam sesi pembelajaran *Language Arts* perlu dikaji. Kajian ini akan melihat pelaksanaan PBP menerusi persepsi guru yang akan menjadi responden kepada kajian ini.

Akhir sekali, pengkaji melihat kepada hasil pembelajaran yang didapati oleh guru menerusi penggunaan PBP untuk pengajaran *language arts* di dalam bilik darjah mereka. Joo dan Kim (2015) menggunakan model Biggs 3P untuk mengkaji metakognisi dan interaksi penggunaan strategi pengajaran dan mendapati bahawa guru memilih sesuatu strategi seperti PBP atau pembelajaran berasaskan masalah apabila dapat menentukan hasilnya dengan tepat. Dalam konteks kajian ini, hasil merujuk kepada bagaimana guru melihat kepada peningkatan atau pengurangan hasil pembelajaran murid mereka dalam *language arts* apabila mereka diajar menggunakan PBP. Maka dalam kajian ini kerangka teori 3P Biggs membimbing pengkaji untuk

meneroka tiga perkara utama iaitu *presage* yang merangkumi pemahaman guru terhadap PBP yang membentuk pengetahuan mereka mengenai PBP, persepsi yang merangkumi kemahiran dan pengetahuan guru terhadap PBP dan akhir sekali, hasil yang menunjukkan bagaimana kemahiran guru dalam melaksanakan PBP membawa hasil yang positif atau negatif dan bagaimana ia membina persepsi dan pengetahuan mereka.

### 1.6.1 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan satu kerangka konseptual yang dirangka khas untuk tujuan kajian semasa. Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini terdiri daripada tahap pengetahuan guru bahasa Inggeris di sekolah rendah di Wilayah Persekutuan dalam menggunakan PBP untuk mengajar language arts dalam bahasa Inggeris. Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah tahap kemahiran guru bahasa Inggeris di sekolah rendah di Wilayah Persekutuan dalam menggunakan PBP untuk mengajar language arts dalam bahasa Inggeris.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini diharap dapat memberikan impak yang positif dalam pelaksanaan PBP dan memberikan gambaran sebenar mengenai pelaksanaannya khususnya untuk pembelajaran *Language Art* dalam kalangan guru. Kepentingan kajian ini terbahagi kepada dua golongan iaitu:

### a) Kepentingan Kajian kepada Profesion Perguruan

Kajian dijangka akan memberi implikasi yang besar terhadap profesion keguruan kerana model tersebut akan dapat mengenalpasti bagaimana guru-guru di Malaysia melihat pelaksanaan strategi di dalam bilik darjah. Dengan mengenalpasti persepsi mereka, faktor yang mempengaruhi persepsi mereka iaitu kemahiran dan pengetahuan mengenai PBP akan dapat dikenalpasti. Implikasinya adalah akan wujud lebih banyak latihan dan kursus dalam perkhidmatan yang akan menjurus kepada kemahiran dan pengetahuan guru dalam pendekatan yang perlu dipilih semasa pengajaran dan pemudahcaraan. Dalam pada itu, kajian ini akan membentuk semula cara pengendalian sesi pengajaran *Language Arts* dalam konteks pendidikan di Malaysia kerana guru akan lebih tertumpu kepada keperluan *Hands-on* dengan penggunaan teknik PBP.

### b) Kepentingan kajian untuk Kajian Masa Hadapan

Kajian ini diharapkan menjadi suatu titik permulaan kepada kajian yang tertumpu kepada pembelajaran dan pemudahcaraan *Language Arts* dalam subjek Bahasa Inggeris di Malaysia. Data yang dikumpul dijangka akan dapat memberikan maklumat lebih lanjut bagi tujuan kajian masa hadapan dalam konteks yang sama. Dalam pada itu, kajian ini akan membantu pengkaji masa hadapan untuk menggunakan model 3P sebagai suatu rangka asas bagi kajian yang berkaitan dengan pemilihan strategi



pengajaran. Model 3P juga diharapkan menjadi suatu rujukan utama apabila merangka pendidikan dan latihan bagi guru di Malaysia.

## 1.8 Batasan Kajian

Oleh kerana kajian ini merupakan perintis dalam konteks pengajaran *Language Arts* bagi murid-murid di sekolah rendah, batasan utamanya terletak pada sampelnya di mana hanya segelintir guru yang menjadi fokus. Oleh kerana kajian ini akan menggunakan bilangan responden yang terlalu sedikit, bilangan ini tidak cukup untuk memberikan data yang mampu menjadikan keputusan kajian ini suatu perkara yang umum kepada sektor pendidikan negara. Impak kajian yang berasaskan pendidikan perlu ada pada keputusan kajian yang dapat mengubah persepsi penggubal pendidikan sesuatu negara(Gómez-Pablos et.al.,2017) dan apabila impaknya begitu besar, maka akan ada pelaksanaan yang meluas. Dalam pada itu, untuk memastikan impaknya lebih meluas kajian ini perlu merangkumi guru-guru daripada pelbagai bahagian dan latar belakang. Walaubagaimanapun, kajian ini hanya terhad kepada guru-guru bahasa Inggeris sahaja. Demografi juga memainkan peranan yang penting dalam pemilihan sampel bagi suatu kajian(Creswell & Creswell,2017) dan kajian ini hanya terbatas kepada sampel daripada suatu kawasan spesifik dalam negara Malaysia yang begitu besar dan luas. Maka kajian ini tidak menjurus kepada keperluan pendidikan negara secara meluas.



## 1.9 Definisi Operasi

### 1.9.1 Pengetahuan

Poonpon (2017) mentakrifkan pengetahuan guru sebagai salah satu komponen penting dalam pendidikan bahasa terutamanya. Hal ini kerana, pengetahuan merupakan asas kepada kaedah pengajaran yang lebih abstrak dalam jangka masa panjang. Mengikut Altintas dan Özdemir, (2015) pengetahuan guru merupakan elemen yang paling penting dalam bidang pendidikan dan pengetahuan berdasarkan beberapa tahap. Pengetahuan guru berlandaskan pada tahap pendedahan guru terhadap sesuatu kandungan dalam konteks ini, *Language Arts*. Kajian ini melihat pengetahuan sebagai satu domain yang penting kerana ia mempengaruhi tindak balas guru terhadap penggunaan PBP.

*Language arts* menjadikan pengajaran dan pemudahcaraan dalam Bahasa Inggeris lebih menarik dan berkesan. Ia dapat membantu murid untuk memahami, mencipta dan menyatakan makna melalui membaca, mendengar, menulis dan berkomunikasi dengan baik dalam banyak aspek. *Language arts* meliputi empat elemen penting iaitu mendengar, berbicara, membaca dan menulis. Unsur-unsur ini penting dalam proses kurikulum dan pembelajaran. Namun, pengetahuan guru memainkan peranan penting dalam memastikan agar murid dapat melalui pendidikan yang lebih komprehensif.

### 1.9.2 Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP)

Istilah projek adalah merupakan kata kunci utama pada aktiviti PBP. Balakrishnan et.al. (2015) berpendapat PBP merupakan strategi pembelajaran berpusatkan murid yang mana membantu murid untuk membina dan mempersempahan hasil projek mereka kepada orang lain. Di dalam bilik darjah, pengembangan kreativiti memerlukan persekitaran pembelajaran yang berpusatkan murid dengan guru sebagai pemudah cara (Hazita Jalaludin, Awal & Bakar, 2008). Namun demikian, pembelajaran berasaskan projek mengambil masa lama dan memerlukan masa kerja yang fleksibel (Ann, Yunus, Aziz, & Yunus, 2018). Pembelajaran berasaskan projek terhasil berdasarkan beberapa teori pembelajaran konstruktivitis oleh Piaget (1953), Vygotsky (1962) dan Bandura (1977). Ann et al. (2018) mengatakan bahawa akan lebih bermotivasi dan sentiasa didorong dengan sifat ingin tahu apabila belajar menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan projek yang merupakan sejenis pembelajaran inkuiiri yang bersifat terbuka. Melalui pembelajaran berasaskan projek murid terdorong untuk mencari jawapan kepada persoalan mencabar yang melibatkan teori dan prinsip dalam sesuatu disiplin ilmu (Poonpon, 2017).

PBP adalah satu kaedah yang boleh meningkatkan kemahiran pembelajaran abad ke-21(Sulaiman et.al 2017) murid. Kaedah ini amat penting dalam melahirkan murid minda kelas pertama dan modal insan yang cemerlang dan menyeluruh. Kaedah ini mampu membantu murid untuk bersedia dalam berhadapan dengan dunia sebenar. Mustakim et.al (2014) berpendapat bahawa penggunaan PBP mampu meningkatkan motivasi dan sifat ingin tahu untuk belajar dalam diri murid. Tambahan pula, kaedah



pembelajaran ini akan membantu murid untuk menjawab persoalan (Poonpon,2017) berkaitan dengan prinsip dan teori dengan bersunguh-sungguh.

PBP adalah model yang menganjurkan pembelajaran sekitar projek. Menurut takrifan ditemui dalam kajian oleh Shah dan Empungan (2015) untuk mengkaji penggunaan projek dalam kalangan guru-guru, projek-projek adalah tugas-tugas yang kompleks, berdasarkan soalan atau masalah yang mencabar, yang melibatkan pelajar dalam reka bentuk, penyelesaian masalah, membuat keputusan, atau aktiviti penyiasatan. Di samping itu, Razalia, Shahbordin, Hussinb dan Bakara,(2015) pula berpendapat bahawa PBP memberi peluang kepada pelajar untuk bekerja agak autonomi lebih tempoh masa yang lama; dan berakhir dengan produk realistik atau persembahan. Ciri PBP memastikan penilaian autentik, yang memudahkan guru tetapi tidak terarah dan memastikan matlamat pendidikan yang jelas. Dalam pada itu, PBP memastikan pelaksanaan pembelajaran koperatif, renungan, dan penggabungan kemahiran dewasa.

### 1.9.3 Kemahiran menggunakan PBP

Penggunaan strategi tersebut berkait rapat dengan watak guru yang perlu berubah di mana guru perlu menjadi fasilitator dan perkara ini bercanggah dengan persepsi tradisional sebagai guru. Mengikut Stozhko, Bortnik, Mironova, Tchernysheva dan Podshivalova (2015), perubahan ini sejajar dengan keperluan pendidikan abad ke-21 kini kerana pembelajaran kini perlu dilaksanakan melalui kaedah pemudahcaraan. Pelaksanaan PBP berkaitrapat dengan kemahiran pemudahcaraan (Bilgin, Karakuyu &



Ay,2015) di mana murid-murid diberi kesempatan untuk menjadi pembentuk kepada ilmu mereka tersendiri. Ilmu pula dilihat sebagai percambahan idea dan pertumbuhan kemahiran dalam kalangan pelajar kini. Kajian ini melihat penggunaan kemahiran melaksanakan PBP dalam konteks pendidikan di sekolah rendah dan mengkaji masalah-masalah yang wujud dalam melaksanakan strategi tersebut.

Kemahiran dalam konteks kajian ini merujuk kepada kemahiran guru terhadap PBP di mana strategi tersebut dilihat sebagai suatu yang efektif dalam pengajaran dan pemudahcaraan *Language Arts* di sekolah rendah. Kemahiran dalam konteks model 3P juga merujuk kepada latar belakang ilmu yang ada pada setiap guru bagi tujuan pelaksanaan sesuatu strategi dan teknik di peringkat sekolah (Selvaraj,2010). Menurut Azman (2010), kemahiran merupakan hasil daripada pengalaman yang membentuk asas kepada pengetahuan yang ada pada seorang guru. Kajian ini menjurus kepada masalah pelaksanaan PBP di sekolah yang berpunca daripada kurangnya kemahiran dan pemahaman. Petersen dan Nassaji,(2016) melihat kemahiran sebagai asas yang membentuk persepsi guru terhadap dasar dan apa jua strategi dan teknik dan jika sesuatu dasar atau strategi itu disalahfahamkan, maka pelaksanaannya tidak akan sempurna.



## 1.10 Kesimpulan

Penggunaan kaedah PBP dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan mempunyai kelebihan dan kelemahan yang tersendiri. Justeru, penggunaan kaedah ini adalah bergantung dengan kesesuaian dan kebolehan murid dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan. Hasil penerokaan pelbagai kajian lepas membantu pengkaji untuk memahami bagaimana penggunaan PBP dapat membuka peluang kepada murid untuk terlibat aktif dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan. Bab ini telah berjaya mewujudkan satu rangka kerja yang sistematik bagi mengkaji pengetahuan dan kemahiran guru berlandaskan teori yang kukuh. Kerangka konseptual pula menjurus kepada objektif yang ditetapkan. Bab-bab seterusnya akan menerangkan bagaimana elemen-elemen tersebut berkaitan dengan pelbagai kesusasteraan yang wujud dan metodologi kajian.

